

2,000 meriah Malam Puisi Riong BH-UMS

» Pertama kali diadakan gabungan penyair, deklamator Sabah

Oleh Suzianah Jiffar
suzianah@bh.com.my

► Kota Kinabalu

Lebih 2,000 penonton membanjiri Malam Puisi Riong BH-Universiti Malaysia Sabah (UMS) sempena Sambutan 50 Tahun Sabah Maju Jaya Dalam Malaysia di Dewan Canselor UMS, di sini, malam tadi.

Gelanggang puisi dibuka de-

ngan bacaan puisi oleh Pembantu Menteri di Jabatan Ketua Menteri Sabah, Datuk Ariffin Arif dengan puisinya berjudul *Malaysiaku Berdaulat, Tanah Tumpahnya Darahku*.

Malam Puisi Riong yang pertama kali diadakan di UMS, menggabungkan persembahan penyair dan deklamator Sabah selain Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah; Pengarang Kumpulan BH, Datuk Mior Kamarul Shahid dan Pensyarah Fakulti Pengajian Seni,



Mohd Ariffin *menyampaikan puisi* pada Malam Puisi Riong sempena 50 tahun Sabah Maju dalam Malaysia. [FOTO ZUNNUR AL SHAFIQ]

UMS, Mohammad Fuad Bebit.

Mohd Harun menyampaikan sajak berjudul *Untuk Kita* manakala Mior Kamarul mendeklamasikan sajak *Warga Bumi Merdeka*.

Dewan gamat

Dewan gamat apabila Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMS, Mohd Juhar Harun menyampaikan lagu *Warisan* dengan diiringi kibaran Jalur Gemilang

oleh pelajar UMS.

Turut mendeklamasi sajak dan puisi ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Prof Madya Datuk Dr Kasim Md Mansur.

Jurugambar The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP), Datu Ruslan Sulai yang juga penyair tempatan pula mempersembahkan puisi *Wasiat karya Aliudin Mohd Salleh*.

UMS ialah destinasi ketiga acara Malam Puisi Riong yang sebelum ini diadakan di Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Pendidikan Islam (KPI), Bangi, pada 22 Februari lalu dan Laman Budaya Shah Alam dengan kerjasama Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) pada 28 Jun lalu.

Bangkitkan semangat

Terdahulu, Mohd Harun dalam ucapannya, berharap Malam Puisi Riong mampu membantu membangkitkan semangat patriotisme serta perpaduan kukuh dalam kalangan rakyat, khususnya pelajar UMS.

"Kemerdekaan adalah suatu aset yang tidak boleh dijual beli, sebaliknya diperoleh menerusi suntikan semangat patriotisme dan ia perlu dikekalkan," katanya.

Sementara itu, Mior Kamarul, berkata BH boleh berperanan untuk mengetengahkan penyair dan deklamator dari Sabah ke peringkat lebih tinggi menerusi penganjuran Puisi Riong.

"Malam Puisi Riong diadakan untuk menanam cintakan budaya dalam kalangan pelajar dan pencinta seni termasuk di negeri ini," katanya.